

Newspaper

Kosmo!

Date

17 March 2016

Merdeka PNB118 pintas Menara Berkembar Petronas

PM lancar bangunan tertinggi di Malaysia

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan projek pembangunan Warisan Merdeka milik Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang bakal menjadi menara tertinggi di Malaysia apabila ia siap kelak pada tahun 2024.

Najib turut memnamakan menara setinggi 118 tingkat dengan ketinggian 630 meter yang terletak bersebelahan Stadium Merdeka itu sebagai Merdeka PNB118.

Merdeka PNB118 apabila siap kelak bakal memintas Menara Berkembar Petronas yang setinggi 452 meter selaku bangunan tertinggi di Malaysia.

Najib dalam ucapannya memuji pelbagai usaha keras PNB dan syarikat-syarikat di bawah kumpulannya dalam membantu kerajaan meningkatkan ekonomi bumiputera.

“Selama 38 tahun penubuhan PNB, negara amat berbangga dengan kejayaan demi kejayaan yang ditempa terutamanya dalam memberi peluang kepada profesional bumiputera menguruskan syarikat-syarikat strategik negara.

“Menara Merdeka PNB118 wajar menjadi satu simbol kebanggaan negara serta rakyat Malaysia dan ia akan menjadi manifestasi ke arah negara berpendapatan tinggi,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis Pelancaran Projek Warisan Merdeka di Jalan Merdeka di sini semalam.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku




NAJIB melawat sekitar tapak projek pembangunan Warisan Merdeka yang turut menempatkan bangunan Merdeka PNB118 di Kuala Lumpur semalam.

Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid serta Presiden dan Ketua Eksekutif PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata, projek Warisan Merdeka merupakan projek pembangunan bercampur-campur yang dibangunkan secara tiga fasa di atas tanah berkeluasan 19 ekar (7.6 hektar).

“Fasa pertama projek meliputi pembinaan menara ikonik termasuk pusat beli-belah telah dimulakan pada 2014 dengan kos RM5 bilion dan dijangka siap pada tahun 2020.” katanya.

Menurutnya lagi, PNB118 tersebut juga bakal tersenarai sebagai menara kelima tertinggi di dunia nanti.



NAJIB melihat dengan lebih dekat model bangunan Merdeka PNB118 yang bakal menjadi menara tertinggi di Malaysia selepas melancarkan Projek Warisan Merdeka di Kuala Lumpur semalam.

INFO

Bangunan tertinggi dunia

1. Burj Khalifa, Dubai (**828m**)
2. Shanghai Tower (**632m**)
3. Abraj Al-Bait Clock Tower, Mekah (**601m**)
4. One World Trade Center, New York (**541.3m**)
5. CTF Finance Center, Guangzhou (**530m**)
6. Taipei 101, Taiwan (**509m**)
7. Pusat Kewangan Dunia Shanghai (**492m**)
8. Pusat Perbankan Antarabangsa, Hong Kong (**484m**)
9. Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur, Malaysia (**452m**)

Sumber: skyscrapercenter.com

LAGI berita di muka 51